

# Hang Tuah tidak wujud?

» Sejarawan gesa 'kubur' pahlawan dibuat kajian lebih mendalam

Oleh Hafizah Iszahanid  
hafiza@bh.com.my

Kuala Lumpur

**S**eorang sejarawan berpandangan Hang Tuah tidak wujud, sekali gus dakwaan sesetengah pihak kononnya mereka berasal dari pada keturunan Hang Tuah adalah dongeng.


Karyawan Tamu Jabatan Sejarah Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Prof Emeritus Dr Ahmat Adam, berkata Hang Tuah adalah watak fiksyen yang wujud dalam teks klasik *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*.

Justeru, katanya, dakwaan penemuan kubur Hang Tuah dan artifak berkaitan kewujudannya yang dibuat oleh se-kumpulan sarjana dari Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini memerlukan penyelidikan lebih mendalam.

## Bukan kubur sebenar

"Sementara kubur di Melaka yang dikatakan milik Hang Tuah sesuai untuk tujuan pelancongan tetapi bukan kubur Hang Tuah yang sebenar," katanya pada Seminar Sejarah anjuran Jabatan Sejarah UM bertajuk 'Wujudkah Hang Tuah? di sini, semalam.'

Ahmat berkata, perkataan Hang Tuah sebenarnya tidak wujud pada abad ke-15 dan ke-16, sebaliknya dikesan buat pertama kalinya dalam *Hikayat Aceh* yang ditulis pada hujung abad ke-17.



Dr Ahmat memberi ceramah pada forum **Wujudkah Hang Tuah?** di Universiti Malaya, semalam.

(FOTO ROHANIS SHUKRI/BH)

'Mereka yang bergelar sejarawan harus ingat, *Sejarah Melayu* itu adalah fiksyen yang boleh disebut sebagai teks sastera sejarah tetapi bukan sebagai teks sejarah.'

"Watak Hang Tuah sudah disebut dalam *Hikayat Hang Tuah* yang ditulis terlebih dahulu berbanding *Sejarah Melayu*. Jadi, ia watak yang deduk masuk ke dalam nas-

kah itu," katanya.

Ahmat berkata, pengarang Melayu zaman dahulu tidak akan menggunakan nama sebenar untuk watak pembesar mereka kecuali raja.

Katanya, apa yang wujud adalah perkataan laksamana bermaksud pengikut raja yang setia dan ia tidak merujuk khusus kepada Hang Tuah.

"Perkataan laksamana merujuk kepada gelaran digunakan untuk pengikut raja yang setia, manakala Hang Tuah sebenarnya tuha yang bermaksud tua atau ketua pemimpin. Ia disebut sebagai tuah kerana kegagalan penyelidik untuk membaca tulisan jawi dengan betul."

"Hang adalah perkataan Melayu purba bermaksud tukang yang mahir. Laksamana Hang Tuah itu gelaran dan bukan merujuk kepada seseorang yang kita kenal hari ini sebagai Hang Tuah," katanya yang mengkaji mengenai kewujudan Hang Tuah dari sudut fisiologi asal usul perkataan.

Beliau berkata, keghairahan sesetengah penyelidik untuk membuktikan kewujudan Hang Tuah perlu berasaskan lebih banyak penyelidikan dan tidak hanya bergantung kepada satu sumber sahaja, selain memastikan kesahihan dokument itu.

## Dakwa temui dokumen

Katanya, sejarah seharusnya berdasarkan kebenaran yang objektif dan tidak memihak.

"Saya tidak melihat dakwaan ketidakwujudan Hang Tuah ini akan mengganggu orang Melayu kerana ini adalah pendapat akademik. Jika ada yang terganggu, mereka itu jahil," katanya.

Sebelum ini, sekumpulan penyelidik UPM mendakwa menemui dokumen dan artifak diterima daripada kerajaan Ryukyu (kini Okinawa) di Jepun dan satu lagi dari Portugal, selain catatan pengembalaan Alfonso de Albuquerque yang diterbitkan pada 1774.

**Saya tidak melihat dakwaan ketidakwujudan Hang Tuah ini akan mengganggu orang Melayu kerana ini adalah pendapat akademik. Jika ada yang terganggu, mereka itu jahil"**

**Dr Ahmat Adam,**  
Karyawan Tamu Jabatan Sejarah Fakulti Sastera dan Sains Sosial, UM

